

Dinar dan Dirham: Satu Kajian Terhadap Piawai Ukur Nilai Barangan dan Perkhidmatan pada Zaman Nabi Muhammad S.A.W.

Dinar and Dirham: A Study On The Standard Measure Value of Goods and Services During The Prophet Muhammad's (pbuh) Era

Khaulah Hilaluddin. (Pengarang Penghubung)

Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan, Universiti Malaysia Kelantan, Pengkalan Chepa,
16100 Kota Bharu, Malaysia

Tel: +6017-414 3667 E-mail: khaulah_hilaluddin@yahoo.com

Mohd Nazri, M.

Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan, Universiti Malaysia Kelantan, Pengkalan Chepa,
16100 Kota Bharu, Malaysia

E-mail: mnazri@umk.edu.my

Absrak

Kajian ini membincangkan tentang kesesuaian dinar emas dan dirham perak sebagai alat ukur nilai semua jenis barangan dan perkhidmatan. Menurut sejarah Islam, logam ini diperakui fungsinya sebagai alat ukur nilai sejak dahulu lagi. Jadi, persoalan kajian di sini ialah bagaimana kedua-dua logam ini diaplikasikan sebagai alat ukur nilai pada zaman Nabi Muhammad S.A.W. Kajian ini menggunakan teknik pengumpulan data secara kualitatif dengan menganalisis hadis Baginda S.A.W. Akhirnya, dapatan kajian menunjukkan bahawa dua logam tersebut adalah dijamin nilainya (kalis inflasi) dan sesuai dijadikan sebagai piawai ukur nilai barangan dan perkhidmatan sepanjang zaman untuk kebajikan dan kesejahteraan semua manusia.

Kata kunci: Dinar emas; Dirham perak; Harga barangan dan perkhidmatan; Nilai emas dan perak

Abstract

This study discusses the appropriateness of the gold dinar and silver dirham as a measure of the value of goods and services. According to Islamic history, this precious metal has been used as a measure of value long before the

period of Prophet Muhammad (pbuh). So, the research question here is how the two metals had been applied as a measure of value at the time of Prophet Muhammad (pbuh). Qualitative data collection techniques and data analysis used in this study through written materials that the Prophet Muhammad himself (*al-Hadith*). Finally, the results showed that the two metals are protect the price value (non-inflation) and suitable as a standard measure of the value of goods and services of all time for the welfare and prosperity of all mankind.

Keywords: Gold dinar, Silver dirham, Price of goods and services, Value of gold and silver

Pendahuluan

Emas memainkan peranan penting dalam pelbagai bidang kehidupan masyarakat Islam. Nilai yang tersembunyi (*intrinsic*) dalam emas adalah aset yang dapat membantu ekonomi. Begitu juga perak, kedua-duanya mempunyai fungsi yang sama (Abidin, 2002; Lewis, Pellat, & Schacht, 1983). Dirwayatkan daripada dua sumber iaitu Mu'awiyah bin Yahya dan Ka'ab bahawa orang yang pertama menggunakan dinar dan dirham adalah Nabi Adam a.s. dan dikatakan tidak baik sesuatu kehidupan melainkan dengan keduanya digunakan sebagai mata wang (Abu

Nu'aym, 1988; Ibn 'Asakir, 1995; Ibn Abi Syaibah, 1983).

Perkataan dinar dan dirham disebut sekali di dalam al-Quran. Tentang dinar, Allah S.W.T. berfirman yang bermaksud, “*dan ada pula di antara mereka yang kalau engkau amanahkan menyimpan sedinar pun*” (Al-Quran, 3: 75). Ayat ini menerangkan mengenai kaum yahudi yang menipu dan memakan hak orang-orang Islam semasa berjual beli atau memegang amanah ataupun menguruskan hutang piutang (Basmeih, 2000). Manakala, dirham pula disebut di dalam firman Allah S.W.T. yang bermaksudnya, “*Dan (setelah berlaku perundingan) mereka menjualnya dengan harga yang murah, iaitu beberapa dirham sahaja bilangannya*” (Al-Quran, 12:20). Di dalam kisah ini, Nabi Yusuf A.S. (1610-1500 s.m) dijual dengan harga beberapa dirham (wang perak zaman dahulu) kepada seorang pegawai tinggi Mesir yang terkenal dengan *al-Aziz* dan isterinya menurut ahli sejarah bernama *Zalikhah*. (Basmeih, 2000).

Di samping itu, penggunaan mata wang perak juga diceritakan dalam kisah pemuda al-Kahfi. Firman Allah S.W.T. bermaksudnya, “*sekarang utuslah salah seorang dari kamu, membawa wang perak kamu ini ke bandar*” (Al-Quran, 18: 19). Ringkasnya, ayat ini menceritakan tentang kekuasaan Allah SWT menidurkan pemuda-pemuda yang beriman (*Ashab al-Kahfi*) dalam keadaan sihat dan selamat daripada pemerintah yang zalim pada ketika itu sehingga mereka tidak menyedari berapa lama mereka tidur. Lalu, setelah mereka bangun, mereka mengutuskan seorang daripada mereka untuk membeli makanan dengan membawa wang perak pada zaman mereka. Daripada kisah *Ashab al-Kahfi* di atas menunjukkan bahawa wang perak telah pun digunakan sebelum mereka ditidurkan selama 309 tahun (Basmeih, 2000; Ibn Kathir, 2000). Menurut ahli sejarah, mereka hidup pada zaman pemerintahan Decius yang memerintah Rom sekitar tahun 249-251M (Ibn Athir, 1987). Justeru secara umumnya, konsep asas mata wang telah dijelaskan di dalam al-Quran sebagai alat pertukaran, alat penyimpan nilai dan alat

ukur nilai barangan dan perkhidmatan.

Konsep Mata Wang

Mata wang dalam bahasa Arab disebut sebagai *al-Nuqud*. *Al-Nuqud* adalah perantara pertukaran dan ukuran nilai bagi barangan dan perkhidmatan (Syabir, 2007). Konsep asas mata wang telah dijelaskan secara umum dalam al-Quran iaitu sebagai unit mata wang, alat perantaraan, alat simpanan nilai dan penggunaan kaedah kiraan bilangan (Yaacob, Ahmad, & Tahir, 2009). Manakala teori barat berasaskan prinsip mata wang sebagai alat pengantara, pertukaran, pengukur nilai, penyimpan nilai dan alat bayaran tertunda (Yaacob & Ahmad, 2012; Yaacob, Ahmad, & Mujani, 2015).

Salah satu fungsi mata wang adalah pengukur nilai. Dengan adanya wang, nilai sesuatu barang atau perkhidmatan dapat dinyatakan dengan mudah. Di samping itu, ia juga memudahkan masyarakat untuk menentukan nilai sesuatu barang atau perkhidmatan (Surahman, 2016). Imam al-Ghazali (t.t) dan Ibn Khaldun (2004), mengatakan bahawa dinar dan dirham sebagai hakim kepada harta secara adil dan perantara di antara harta-harta lain sehinggalah dijadikan ukuran nilai bagi barangan dalam muamalat (Al-Ghazali; Hassan, 2002; Ibn Khaldun, 2004). Bahkan, mereka menetapkan wang sebagai alat simpanan nilai kerana ia terdiri daripada logam yang bernilai dan tahan lama (Yaacob et al., 2009).

Justeru, dalam penggunaan dinar emas dan dirham perak perlu berlandaskan syariat Islam. Bersesuaian dengan kata-kata Ibn Kathir (1300-1373) dalam penulisan tafsir al-Quran beliau, Ibn Abi Hatim telah berkata : Sa'id bin Amru al-Sukuni telah memberitahu kepada kami dan yang lain, daripada Ziyad bin al-Haitham, Malik bin Dinar telah berkata, sesungguhnya dinamakan dinar kerana perkataan asalnya iaitu *din* (agama) dan *nar* (neraka). Maksudnya, sesiapa yang menggunakan harta secara yang hak (benar), maka itu merupakan tuntutan agama. Tetapi, jika sesiapa yang menggunakan

harta secara batil (salah), maka baginya *nar* (neraka) (Ibn Kathir, 2000).

Oleh itu, melalui hadis-hadis Nabi Muhammad S.A.W. sendiri dapat menjelaskan kepada konsep umum yang disebut dalam al-Quran. Malah, dalam syariat Islam, emas adalah perhiasan kaum wanita dan perak adalah perhiasan kaum lelaki. Lazimnya, barangan perhiasan adalah sesuatu yang bernilai dan dibanggakan.

Mata Wang Zaman Nabi Muhammad S.A.W.

Bangsa Arab sebelum Islam telah mengenali dinar dan dirham melalui syiling emas Byzantium sebagai dinar dan syiling perak Sasan sebagai dirham. Walaupun selepas kedatangan Islam, orang Islam tetap terus menggunakan mata wang tersebut tanpa sebarang perubahan. (Al-Balaazuri, 1987; Lewis et al., 1983). Antara sumber pendapatan penting pada zaman Baginda S.A.W. adalah zakat (ke atas harta perniagaan, emas dan perak, pertanian dan haiwan ternakan), *kharaj* (cukai tanah), *jizyah* (cukai kepala), harta rampasan perang dan *al-‘ushur* (cukai kastam) (Al-Saleh, 1983). Proses pengumpulan dan pengagihan pendapatan kewangan negara (melibatkan dinar dan dirham) dilakukan oleh Baginda S.A.W. sendiri. Walaupun tiada tempat penyimpanan khusus untuk pendapatan negara, namun baginda S.A.W. menetapkan beberapa orang sahabat bagi mencatat hal yang berkaitan dengan kewangan negara (Zallum, 2004).

Hadis-hadis Baginda S.A.W. yang sahih banyak menyebut tentang pengurusan kewangan yang melibat penggunaan dinar dan dirham. Antaranya adalah penggunaannya sebagai alat ukur nilai barangan dalam jual beli dan perkhidmatan. Contohnya, daripada hadis riwayat (Sahih Bukhari, j. 2, h. 539), telah diceritakan oleh ‘Urwah bahawa baginda S.A.W. memberinya satu dinar untuk dibelikan seekor *shah* (kambing), dengan wang itu beliau membeli dua ekor *shah*, kemudian salah satunya dijual dengan harga satu dinar, lalu beliau menemui Baginda S.A.W. dengan membawa seekor *shah* dan wang satu dinar. Maka baginda S.A.W. mendoakan

keberkatan atas jual belinya itu. Menurut Ibn Manzur (t.t) dalam kamusnya *Lisan al-‘Arab*, *shah* adalah nama bagi sejenis kambing yang cukup umurnya (Ibn Manzur). Selain itu, ada juga riwayat lain yang sahih daripada (Sahih Abu Daud, j. 4, h. 136), (Sahih al-Tirmidhi, j. 3, h. 547) dan (Sahih Ibn Majah, j. 4, h. 65) yang meriwayatkan cerita yang sama (Abu Daud, 2004; Al-Tirmidhi, 1977; Ibn Majah, 1998) Selain itu, hadis riwayat (Sahih al-Bukhari, j. 2, h. 274) menceritakan tentang Nabi S.A.W. menyuruh Jabir r.a. menjualkan kepadanya seekor unta yang sudah lemah dengan harga 40 dirham. Demikianlah baginda S.A.W. mengukur nilai seekor unta yang lemah dengan harga 40 dirham dalam berjual beli.

Kemudian, mata wang dinar dan dirham juga digunakan dalam perkhidmatan seperti mas kahwin, zakat, diyah (pampasan), jizyah (cukai), dan upah pengembala kambing pada zaman Nabi S.A.W. Sebagaimana penggunaan dirham dalam mas kahwin keluarga Nabi Muhammad S.A.W. Diceritakan daripada Abu Salamah b. Abd al-Rahman bahawa dia berkata; Saya pernah bertanya ‘Aishah, isteri Nabi S.A.W.: “Berapakah kadar mas kahwin Rasulullah S.A.W.?” Dia menjawab; “Mas kahwin beliau kepada para isterinya adalah sebanyak dua belas ‘uqiyyah dan satu nashh. Tahukah kamu, berapakah satu nashh itu?” Abu Salamah berkata; Saya menjawab; “Tidak.” ‘Aishah berkata; “Setengah ‘uqiyyah. Jumlah keseluruhannya sama dengan lima ratus dirham. Demikianlah mas kahwin Rasulullah S.A.W. untuk isteri-isteri beliau. (Sahih Muslim, j. 4, h. 144). Hadis ini menerangkan bahawa mas kahwin Baginda S.A.W. kepada para isteri adalah 12 uqiyyah dan satu nashh. Dan satu nashh bersamaan ½ uqiyyah dan satu uqiyyah bersamaan 40 dirham. Maka, 12 uqiyyah dan satu nashh bersamaan 500 dirham (Al-Nawawi, 1994) .

Dalam bab zakat pula, Baginda S.A.W. bersabda, “*Apabila kamu mempunyai 200 dirham dan telah cukup haul (genap setahun) diwajibkan zakatnya 5 dirham, dan tidak*

diwajibkan mengeluarkan zakat (emas) kecuali kamu mempunyai 20 dinar (salah satu mata wang zaman dahulu yang digunakan di negara Arab). Apabila kamu mempunyai 20 dinar dan telah cukup haulnya diwajibkan zakatnya setengah dinar. Demikian juga kadarnya jika nilainya bertambah dan tidak diwajibkan zakat bagi sesuatu harta kecuali genap setahun”. (Sahih Abu Daud, j. 2, h. 322). Zakat adalah salah satu daripada rukun Islam. Diwajibkan mengeluarkan zakat apabila cukup nisab dan haulnya (tempohnya). Pensyariatan zakat adalah untuk menyucikan diri dan harta dan membuka jalan keredhaan Allah S.W.T. (Abu Daud, 1968).

Tambahan pula, dalam surah al-Hasyr ayat 7, Allah melarang harta (dinar emas dan dirham perak) beredar hanya di antara orang-orang kaya sahaja (Ibn Kathir, 2000). Jika emas ini sentiasa beredar maka jumlah tidaklah menjadi masalah. Jumlah yang sedikit beredar akan cukup. Sebaliknya, jika jumlah yang banyak yang ditimbun atau diribakan tidak akan pernah cukup (Iqbal, 2010). Lebih-lebih lagi, emas dilarang dijadikan bekas dan perhiasan bagi lelaki. Justeru itu, hikmat pensyariatan dan larangan adalah untuk memastikan emas dan perak sentiasa beredar dalam masyarakat dan mengelakkan harta bertimbun.

Perkembangan Dinar dan Dirham selepas Zaman Nabi S.A.W.

Pada zaman pemerintahan Umar bin al-Khattab r.a. tahun ke-20 Hijrah, kewangan Islam tertumpu kepada satu pusat khusus yang dinamakan “Baitulmal”. Baitulmal adalah tempat khusus rekod pendapatan dan pembelanjaan negara sebagai usaha mengurangkan kemiskinan dan membangunkan ekonomi negara (Zallum, 2004). Menurut Zallum (2004) lagi, timbul ilham menubuhkan pusat-pusat baitulmal adalah kerana peninggalan harta sebanyak 500 ribu dirham daripada khalifah pertama Abu Bakar r.a. Justeru, orang yang pertama menubuhkan pusat baitulmal adalah Umar bin al-Khattab r.a. Tambahan pula, daripada Abu Umamah bin Sahl

bin Hanif menunjukkan bahawa harta dinar dan dirham juga tersimpan di dalam baitulmal (Al-Suyuti, 2003; Zallum, 2004). Bahkan sepanjang pemerintahan Khalifah al-Rasyidin (632M - 661M), penggunaan dinar dan dirham sebagai mata wang berterusan seperti yang sedia ada sehinggalah berlaku perubahan pada zaman Khalifah Abdul Malik bin Marwan.

Menurut al-Maqrizi (1998), Khalifah Umar bin Al-Khattab menambah ungkapan *al-hamdulillah* (Segala Puji hanya bagi Allah), *Muhammad Rasul Allah* (Muhammad Pesuruh Allah) dan *la ilah illa Allahwahdah* (Tiada tuhan yang layak diabdikan diri melainkan Allah Yang Esa) pada mata wang yang sedia ada manakala Khalifah Uthman bin Affan pula menerapkan ungkapan *Allahu Akbar* (Allah Maha Besar). (Abidin, 2002; Ahmad & Yaacob, 2012; Al-Maqrizi, 1998; Mujani, 2009; Yaacob, 2012). Ukiran lambang Islam pada mata wang ini menonjolkan jati diri Islam. Bahkan, pada zaman inilah diperkenalkan piawai khas untuk bentuk, saiz dan berat mata wang Islam iaitu melalui “Piawaian Umar al-Khattab” yang menetapkan satu dinar seberat 4.25 gram emas dan satu dirham seberat 2.75 gram perak (Lewis et al., 1983).

Selepas itu, kemunculan tempaan baru dinar Islam yang bebas daripada acuan Byzantium dan Sasan sepenuhnya pada zaman Khalifah Umaiyyah yang kelima iaitu Abdul Malik bin Marwan pada tahun 76H (696/7 M) (Grierson, 1960; Hassan, 1999). Kemudian, pada zaman Abbasiyyah (750-1517M) berlakunya pergolakan politik dan pentadbiran yang menyukarkan khalifah untuk mengawal pengeluaran mata wang serta gagal menentukan piawaian khas bagi mata wang dinar dan dirham menyebabkan berlakunya pemalsuan dan penurunan nilai mata wang (Yaacob, 2012).

Namun, penggunaannya masih lagi berterusan sehinggalah zaman kejatuhan kerajaan Turki Uthmaniah pada tahun 1924 (Abidin, 2002; Ahmad & Yaacob, 2012; Al-Balaazuri, 1987; Iqbal, 2007; Mujani, 2009). Dan kemudiannya,

mata wang telah berubah daripada dinar emas kepada sistem piawai emas sebagai penetapan nilai mata wang berasaskan berat emas dan mengizinkan pertukaran bebas dan perdagangan dalam bentuk emas (Meera, 2002), seterusnya pada tahun 1944, diperkenalkan sistem Bretton Woods atau dikenali sebagai fiat sandaran. Akhirnya pada tahun 1971 mata wang berubah kepada sistem mata wang fiat apungan iaitu wang kertas tanpa sandaran emas (Ahmad & Yaacob, 2012). Walau bagaimanapun, dinar emas moden mula kembali ditempa pada tahun 1992 di Dubai. Saranan, cadangan dan usaha-usaha mula dibentangkan untuk memartabatkan kembali penggunaan dinar dan dirham setelah negara-negara ASEAN dilanda krisis mata wang yang teruk pada tahun 1997 dan apabila dunia mengalami krisis ekonomi pada tahun 2008 (Yaacob, 2014). Sepertimana yang disebut oleh Yaacob (2012), bahawa pengamalan sistem mata wang tanpa piawai khas yang stabil dan adil akan mengundang pelbagai krisis dan masalah dalam sistem ekonomi.

Kenapa Perlu Dinar Emas dan Dirham Perak Dijadikan sebagai Piawai Alat Ukur Nilai

Mata wang dunia hari ini rata-rata bersandarkan kepada dolar Amerika Syarikat (USD). Sedangkan nilai dolar akan berubah mengikut perubahan kadar inflasi dan pelakuan spekulasi yang berlaku dalam pasaran wang. Keadaan ini akan mempengaruhi jumlah permintaan dan penawaran dollar (Yaacob, Samuri, Kashim, Jamsari, & Ashari, 2011). Menurut Harahap (2014), pertumbuhan dinar emas lebih laju berbanding pertumbuhan mata wang Dolar AS dan dinar emas lebih sesuai dijadikan mata wang alternatif. Ini kerana, emas pada masa lalu, kini dan masa depan sentiasa dianggap sebagai barometer untuk mengukur prestasi mata wang fiat. Harga emas naik sekiranya dolar terbenam dan harga emas adalah lebih rendah apabila dolar dihargai. Orang ramai akan berminat dalam emas setiap kali ada masalah dengan dolar atau mata wang fiat lain. Ia sentiasa akan dilihat sebagai pesaing kepada semua fiat mata wang. Sekaligus menjadikan emas sebagai aset yang lebih selamat semasa pergolakan ekonomi

(Harahap, 2014; Muhayiddin & Elsadig, 2009).

Harga dinar dan dirham dalam jadual 1 dan 2 di bawah nanti dirujuk pada harga lani (*spot price*) emas dan perak yang mana harga tersebut belum dipengaruhi oleh kos-kos sampingan seperti proses pembentukan kepada bentuk jongkong, ukiran koin dan barangan kemas yang memerlukan kos tambahan. Harga spot ini diambil pada setiap awal bulan bermula bulan Mei tahun 2016 sehingga bulan Mei tahun 2017. Seperti yang diketahui, dinar dan dirham diukur melalui berat logam tersebut menerusi piawai Umar r.a.

Merujuk kepada hadis yang disebutkan sebelum ini, keuntungan yang diambil oleh 'Urwah adalah satu kali ganda daripada harga asal. Boleh dikatakan, harga seekor *shah* (kambing) adalah sekitar setengah dinar hingga satu dinar (Al-Bukhari, 1979; Ibn Hajar, 2000). Selain itu, terdapat juga hadis *sahih al-Bukhari* (kitab 24, no. hadis 1453), menyatakan bahawa dua ekor *shah* bersamaan dengan 20 dirham. Dengan kata lain, seekor *shah* berharga 10 dirham. Jika dilihat himpunan antara dua hadis ini, pada zahirnya nampak berbeza. Namun apabila diteliti, ia selari dengan yang dinyatakan dalam hadis *Sahih al-Bukhari* (kitab 54, no. hadis 2718) diriwayatkan daripada 'Ata', bahawa nisbah satu dinar bersamaan dengan 10 dirham (Ibn Hajar, 2000). Ini bermakna, harga seekor *shah* pada zaman Baginda S.A.W. adalah di antara setengah dinar (bersamaan lima dirham) hingga satu dinar (bersamaan 10 dirham).

Jadual 1: Setengah dinar dan satu dinar (harga seekor kambing) menurut nilai Ringgit Malaysia (RM)

Bulan	Harga 1 gram emas	Harga 2.125 gram emas (1/2 Dinar)	Harga 4.25 gram emas (1 Dinar)
Mei 2016	RM 162.88	RM 346.12	RM 692.24
Jun 2016	RM 161.24	RM 342.64	RM 685.27
Julai 2016	RM 171.30	RM 364.01	RM 728.03
Ogos 2016	RM 175.53	RM 373.00	RM 746.00
Sept 2016	RM 172.54	RM 366.65	RM 733.30
Okt 2016	RM 173.41	RM 368.50	RM 736.99
Nov 2016	RM 173.52	RM 368.73	RM 737.46
Dis 2016	RM 167.30	RM 355.51	RM 711.03
Jan 2017	RM 166.05	RM 352.86	RM 705.71
Feb 2017	RM 171.60	RM 364.65	RM 729.30
Mac 2017	RM 178.41	RM 379.12	RM 758.24
April 2017	RM 178.13	RM 378.53	RM 757.05
Mei 2017	RM 175.09	RM 372.07	RM 744.13

Nota: Nilai berdasarkan harga lani (spot price) emas pada setiap awal bulan dari Mei 2016 sehingga Mei 2017.
Sumber: www.goldprice.org

Justeru, kita dapat lihat bahawa setengah dinar dan satu dinar menjadi alat ukur kepada harga seekor *shah* (kambing). Ianya satu nilai yang bertepatan pada zaman Rasulullah S.A.W.. Berdasarkan jadual 1 di atas, purata nilai harga kambing sekitar RM 364.03 sehingga RM 728.06. Perubahan harga berlaku daripada semasa ke semasa di mana kenaikan dan penurunan nilai harga emas mengikut pasaran dunia. Menurut Abu Daud (1968), nilai setengah dinar dan satu dinar ini khusus kepada kambing yang cukup syarat untuk ibadat qurban sahaja, tidak termasuk untuk kegunaan lain. Dengan kata lain, dengan ada satu dinar kita sudah mampu membeli seekor kambing untuk korban dan aqiqah pada bila-bila masa sahaja, tetapi sebaliknya jika wang kertas belum tentu dapat membeli seekor kambing dengan mudah kerana nilainya yang sering bertambah (K. Hilaluddin & Muhayiddin, 2016).

Kemudiannya, hadis yang diriwayatkan daripada Saidatina Aisyah r.a. tentang kadar mahar ataupun mas kahwin dalam kalangan keluarga Rasulullah S.A.W. adalah 500 dirham (Muslim).

Daripada jadual 2, menunjukkan bahawa putara nilai 500 dirham kini adalah sekitar RM 3,624.92. Nilai tersebut adalah nilai yang terbaik

kepada semua golongan, sama ada golongan bertaraf rendah mahupun tinggi. Hal ini kerana mas kahwin yang sederhana adalah mas kahwin yang terbaik dalam sesebuah perkahwinan untuk memperoleh kebahagiaan dan keberkatan hidup (N. Hilaluddin, Hilaluddin, Muhayiddin, & Abdullah, 2016).

Jika dilihat pada kedua-dua jadual di atas, ia menunjukkan kenaikan pada nilai Ringgit Malaysia sahaja dan bukan pada dinar dan dirham. Hal ini kerana nilai mata wang kertas kini semakin merosot. Permasalahan yang dialami oleh mata wang fiat adalah susut nilainya dipengaruhi oleh kuasa pasaran, lebih-lebih lagi apabila disimpan dalam satu jangka masa yang lama. (Hassan, 2002). Berbeza dengan prestasi dinar dan dirham yang mempunyai nilai yang stabil. Kestabilan nilai dinar dan dirham dapat dilihat apabila ia disandarkan kepada nilai gram emas dan perak bukan disandarkan kepada mata wang kertas.

Tambahan pula, kekuatan emas dan perak sebagai pelindung inflasi yang terbaik yang mana dapat mengekalkan kuasa beli dalam jangka masa panjang, nilai yang intrinsik dan kadar kestabilan yang lebih terjamin tanpa dipengaruhi dengan oleh undang-undang permintaan dan penawaran (law

Jadual 2: 500 dirham menurut nilai Ringgit Malaysia (RM)

Bulan / Tahun	Harga 1 gram perak	Harga 2.975 gram perak (1 dirham)	Harga 500 dirham
Mei 2016	RM 2.22	RM 6.60	RM 3,300
Jun 2016	RM 2.12	RM 6.31	RM 3,155
Jul 2016	RM 2.50	RM 7.44	RM 3,720
Ogos 2016	RM 2.65	RM 7.88	RM 3,940
Sept 2016	RM 2.47	RM 7.35	RM 3,675
Okt 2016	RM 2.48	RM 7.38	RM 3,689
Nov 2016	RM 2.47	RM 7.35	RM 3,675
Dis 2016	RM 2.36	RM 7.02	RM 3,510
Jan 2017	RM 2.37	RM 7.05	RM 3,525
Feb 2017	RM 2.48	RM 7.38	RM 3,690
Mac 2017	RM 2.63	RM 7.82	RM 3,910
April 2017	RM 2.59	RM 7.71	RM 3,855
Mei 2017	RM 2.34	RM 6.96	RM 3,480

Nota: Nilai berdasarkan harga lani (sport price) perak pada setiap awal bulan dari Mei 2016 sehingga Mei 2017.
 Sumber: www.silverprice.org

of demand and supply), bebas dari inflasi, riba, *gharar* (keraguan), *maysir* (perjudian) dan unsur-unsur spekulatif lain. Malah, tiada direkodkan masalah inflasi sepanjang penggunaan dinar emas (Jastram, 2009; Lewis et al., 1983; Meera, 2002; Muhayiddin & Elsadig, 2009; Pujiyono, 2004; Yaacob, 2012; Yaacob et al., 2011). Jadi, ternyata dinar emas dan dirham perak dijamin nilainya (tidak susut) dan sesuai dijadikan sebagai piawai ukur nilai barangan dan perkhidmatan yang terbaik sepanjang zaman untuk kebajikan dan kesejahteraan semua manusia.

Penutup

Pada zaman Nabi Muhammad S.A.W. mata wang dinar emas dan dirham perak diterima pakai oleh masyarakat arab pada ketika itu sebagai alat ukur nilai dan alat perantara. Demikian itu, segala perbuatan, percakapan Nabi S.A.W. dijadikan ikutan dan contoh buat umat baginda S.A.W. Sungguh, hadis Nabi S.A.W. merupakan penjelasan kepada konsep umum yang disebut dalam al-Quran. Hadis Nabi S.A.W. menjadi tempat yang sesuai dan praktikal dalam menjelaskan permasalahan wang dan mata wang (Yaacob et al., 2009). Sepertimana sabda baginda S.A.W.: “*Sebaik-baik manusia adalah manusia yang hidup pada*

zamanku (generasiku) kemudian generasi yang datang setelah mereka kemudian generasi yang datang setelah mereka”. (no. hadis 3651) *Sahih Bukhari*. Kurun yang disebut dalam hadis ini adalah menunjukkan kepada generasi Baginda S.A.W. dan para sahabat kemudian generasi selepasnya *Tabi'in* dan generasi *Tabi' Tabi'in*. Boleh dikatakan, generasi sebelum lebih baik daripada generasi selepasnya. Ringkasnya, sebaik-baik generasi adalah generasi baginda S.A.W. (Ibn Hajar, 2000). Kesimpulannya, kajian ini membuktikan kekuatan kedua-dua logam ini sebagai piawai ukur nilai barangan dan perkhidmatan yang terbaik sepanjang zaman untuk kebajikan dan kesejahteraan semua manusia.

Rujukan

- Abidin, A. Z. (2002). Sejarah penggunaan matawang dinar. Paper presented at the The Proceedings of the National Dinar Conference, Kuala Lumpur.
- Abu Daud. (1968). ‘Aun al-Ma’bud (A. a.-R. M. Uthman Ed.). al-Madinah al-Munawwarah: Maktabah al-Salafiah.

- Abu Daud. (2004). Sunan Abi Daud (M. 'Awwamah Ed. Vol. 4). Beirut: Mu'assasah al- Rayyan.
- Abu Nu'aym, A. A. (1988). Hilyah al-Auliya' wa Tabaqat al-Asfiya'. Beirut: Dar al-Kutub al-'Alamiyyah.
- Ahmad, S., & Yaacob, S. E. (2012). Dinar emas: Sejarah dan aplikasi semasa. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Balaazuri, A. Y. (1987). Futuh al-buldan (A. A. al-Thabbaa' Ed.). Beirut: Mu'assasah al-Ma'rif.
- Al-Bukhari, M. I. (1979). Al-Jami' al-Sahih. al-Qahirah: al-Maktabah al-Salafiyyah.
- Al-Ghazali, A. H. Ihya' Ulum al-Din (Vol. 12). Qahirah: Dar al-Sya'ab.
- Al-Maqrizi, T. (1998). Risalah al-Maqrizi (R. al-Badri & A. M. Qasim Eds.). al-Qahirah: Dar al-Hadith.
- Al-Nawawi, Y. S. (1994). Sahih Muslim bi sharh al-Nawawi (Vol. 9): Mu'assasah Qurtubah.
- Al-Saleh, S. (1983). Sistem ekonomi dan kewangan dalam islam (O. Khalid, Trans.). Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri.
- Al-Suyuti, J. A. R. (2003). Tarikh al-Khulafa'. Beirut: Dar Ibn Hazim.
- Al-Tirmidhi, M. I. S. (1977). Al-Jami' al-Sahih (A. M. Syakir Ed. Vol. 2). Mesir: Syarikat Maktabah wa Matbaah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Auladihi.
- Basmeih, A. M. (2000). Tafsir pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran (M. N. Ibrahim Ed.). Kuala Lumpur: Dar al-Fikr.
- Harahap, D. (2014). Analisis Stabilitas Dinar emas dan Dolar AS dalam Denominasi Rupiah. Al-Iqtishad, VI(2), 269-282.
- Hassan, U. A. A. (2002). Penggunaan matawang dinar dalam era globalisasi. Paper presented at the Seminar Peringkat Kebangsaan Dinar: Ke Arah Pemantapan Ekonomi Ummah, Kolej Universiti Islam Malaysia.
- Hilaluddin, K., & Muhayiddin, M. N. (2016). Kestabilan dinar dan dirham: Menurut kajian hadis yang sahih. Paper presented at the Social Sciences Postgraduate International Seminar Sains@USM, Bukit Jambul, Penang.
- Hilaluddin, N., Hilaluddin, K., Muhayiddin, M. N., & Abdullah, A. (2016). Kastabilan dinar dan dirham: Satu kajian terhadap mas kahwin keluarga Nabi Muhammad S.A.W. Jurnal KIAS, 11.
- Ibn 'Asakir, A. H. (1995). Tarikh Madinah Dimasyq (M. A. S. U. b. G. al-Amrawi Ed.). Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Abi Syaibah, A. M. (1983). Al-Kitab al-Musannaf fi al-Ahadith wa al-Athar (M. A. al-Nadwi Ed.). Hindi: al-Dar al-Salafiah.
- Ibn Athir, A. A. K. (1987). al-Kamil fi al-Tarikh (A. a.-Q. Abi Fida' Ed.). Beirut: Dar al-Kutub al-'Alamiyyah.
- Ibn Hajar, A. A. H. A. (2000). Fath al-Bari syarh sahih al-Bukhari. Riyad: Dar al-Salam.
- Ibn Kathir, I. K. D. (2000). Tafsir al-qur'an al-'azim (M. a.-S. i. Muhammad Ed.). al-Qahirah: Mu'assasah Qurtubah.
- Ibn Khaldun, A. R. M. (2004). Muqaddimah Ibn Khaldun (A. M. al-Darwish Ed. Vol. 1). Dimasyq: Dar Ya'rub.
- Ibn Majah, M. Y. Q. (1998). Sunan Ibn Majah (B. A. Ma'ruf Ed. Vol. 4). Beirut: Dar al-Jil.
- Ibn Manzur, M. M. (Ed.) Lisan al-'Arab. al-Qahirah: Dar al-Ma'arif.

- Iqbal, M. (2007). Mengembalikan kemakmuran Islam dengan dinar dan dirham. Jakarta: Spiritual Learning Centre - Dinar Club.
- Iqbal, M. (2010). Dinarnomics. Jakarta: Kelompok Gema Insani.
- Jastram, R. W. (2009). The golden constant the English and American experience 1560-2007. Cheltenham, UK and Northampton, USA: Edward Elgar.
- Lewis, B., Pellat, C., & Schacht, J. (1983). The encyclopaedia of Islam (Vol. II). Leiden, Netherlands: E. J. Brill.
- Meera, A. K. M. (2002). The Islamic gold dinar. Selangor Pelanduk Publications (M) Sdn Bhd.
- Muhayiddin, M. N., & Elsadig, M. (2009). Dinar/Dirham backed electronic payment system for Malaysian market. Paper presented at the Seminar Ekonomi Islam Peringkat Kebangsaan, Balai Ilmu, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya
- Mujani, W. K. (2009). Sejarah dinar menyusuri zaman. Paper presented at the Seminar Antarabangsa penjanaan Ekonomi Melalui Transaksi Wang Dinar.
- Muslim, M. H. Al-Jami' al-Sahih (Vol. 4).
- Pujiyono, A. (2004). Dinar dan sistem standar tunggal emas ditinjau menurut sistem moneter Islam. Jurnal Dinamika Pembangunan (JDP), 1(Nomor 2), 144-152.
- Surahman. (2016). Analisis kekuatan dinar dan dirham sebagai mata uang anti krisis. JEBI (Jurnal Ekonomi dan Bisnis Islam), 1(2), 123-142.
- Syabir, M. U. (2007). Al-Mualamat al-Maliah al-Mu'asirah fi al-Fiqh al-Islami (6 ed.). 'Amman: Dar al-Nafais.
- Yaacob, S. E. (2012). Keunggulan dinar emas sebagai mata wang: Kajian berdasarkan sejarah tamadun Islam/Superiority of the gold dinar as currency: Study based on the history of Islamic civilization. Islamiyyat, 34, 119-129.
- Yaacob, S. E. (2014). Aplikasi semasa penggunaan dinar emas di Malaysia. Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari, 6, 53-63.
- Yaacob, S. E., & Ahmad, S. (2012). Prospek penggunaan dinar emas sebagai mata wang: analisis berdasarkan teori monetari. Jurnal Pengurusan, 36, 161-171.
- Yaacob, S. E., Ahmad, S., & Mujani, W. K. (2015). Dilema dinar emas. Malaysia: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Yaacob, S. E., Ahmad, S., & Tahir, H. M. (2009, 2-4 Jun). Dinar emas dalam Islam. Paper presented at the Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Kuantan, Pahang
- Yaacob, S. E., Samuri, M. A. A., Kashim, M. I. A. M., Jamsari, E. A., & Ashari, M. Z. A. H. (2011). Dinar emas sebagai mata wang dan komoditi di beberapa negara terpilih. Jurnal Melayu, 7, 147-172.
- Zallum, A. Q. (2004). Al-Amwal fi dawlah al-Khalifah. Beirut: Dar al-Ummah.